

Artikel Penyelidikan

Menjejak sejarah Kampung Jawa Klang.

Lidya Ashshafiqa Fredoline¹, Wan Nuralysa Qamarina Wan Azmi² dan Jafalizan Md Jali^{3*}

1 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2021603646@student.uitm.edu.my

2 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2021486466@student.uitm.edu.my

3 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; jafalizan@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

* Correspondence: jafalizan@uitm.edu.my; +60192055563.

Abstrak: Kampung-kampung tradisional telah menjadai mercu tanda penting dalam kepelbagaiannya budaya negara. Terdapat lapan jenis kampung di Malaysia yang berdasarkan ciri-ciri terperinci. Sejarah kampung adalah pokok kepada penghayatan asal-usul, perkembangan, dan identiti komuniti tempatan. Dengan mempelajari sejarah kampung, kita dapat mengetahui peristiwa-peristiwa penting yang membentuk kampung tersebut. Termasuklah penubuhan, perkembangan ekonomi, sosial, dan budaya, serta sumbangan penduduk tempatan terhadap pembangunan kawasan tersebut. Seterusnya, warisan budaya dan tradisi tempatan dapat dikekalkan sekaligus membuka ruang penghargaan oleh generasi akan datang terhadap nenek moyang mereka. Artikel ini akan membincangkan tentang salah satu kampung yang terdapat di Selangor, iaitu Kampung Jawa Klang. Kampung tersebut merupakan salah satu kampung tertua di Selangor namun tidak ramai orang yang mengetahui Kampung Jawa Klang. Kampung Jawa, dengan warisan budaya dan sejarahnya yang kaya, menyediakan landskap yang unik untuk bahasan mendalam. Kandungan artikel ini merangkumi sejarah awal penubuhan Kampung Jawa. Selain itu, di dalam artikel ini juga menyentuh berkaitan dengan perkembangan dan kegiatan sosial di Kampung Jawa. Bukan itu sahaja, di dalam artikel ini juga turut membincangkan tentang harapan dan nasihat untuk penduduk Kampung Jawa kini dan generasi yang akan datang.

Kata Kunci: Kampung, Sejarah, Penduduk, Perkembangan, Peristiwa

DOI: 10.5281/zenodo.10910202



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Kampung merupakan sebuah petempatan tradisional di kawasan desa yang mempunyai ciri-ciri tradisional yang kaya dari segi sosio-budaya dan fizikal. Ia terdiri daripada sekumpulan rumah yang biasanya dibina rapat antara satu sama lain. Di Malaysia, terdapat lapan jenis kampung yang berbeza, iaitu kampung tradisional, kampung nelayan, kampung tersusun, kampung atas air, kampung orang asli, petempatan tanah rancangan, kampung baru, dan petempatan estet. Jenis-jenis kampung ini diklasifikasikan berdasarkan komposisi penduduk dan kumpulan etnik, kepadatan penduduk, urbanisasi, kemudahan masyarakat, kualiti hidup, asas ekonomi, jenis pekerjaan utama, corak petempatan, ciri-ciri fizikal, lokasi, dan fungsi kampung tersebut dalam konteks kehidupan masyarakatnya (PLANMalaysia, 2017).

Berdasarkan data sumber Plan Malaysia dan KPLB, Malaysia mempunyai 28,303 kampung. Ia meliputi 19,447 kampung di Semenanjung Malaysia, 5,976 kampung di Sarawak, manakala 2,853 kampung yang terdapat di Sabah, dan 27 kampung di Labuan (Roslan, S., 2022). Kampung Jawa merupakan salah satu kampung terlama di Selangor namun tidak ramai orang yang mengenali kampung tersebut, termasuk penduduk-penduduk di Kampung Jawa.

Kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan dan memahami pengalaman hidup serta pengetahuan peribadi seorang tokoh warga emas berusia 93 tahun di Kampung Jawa, Klang. Beliau merupakan satu-satunya penduduk tertua di Kampung Jawa Klang, Selangor. Sebagai salah seorang tokoh penting dalam komuniti Kampung Jawa, beliau telah menyaksikan banyak peristiwa dan perubahan dalam sejarah kampung.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk merekodkan naratif peribadi dan pengalaman hidup tokoh, termasuk cerita mengenai kehidupan harian, kegiatan sosial, budaya, dan aspek kehidupan lain yang memainkan peranan penting dalam membentuk identiti komuniti Kampung Jawa. Kepentingan kajian ini adalah untuk memastikan bahawa pengetahuan, pengalaman, dan cerita peribadi tokoh ini tidak terpinggir dan terlupakan, serta dapat diteruskan kepada generasi akan datang. Melalui pemahaman yang lebih mendalam mengenai perspektif beliau, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemeliharaan dan pemahaman yang lebih baik mengenai sejarah dan identiti budaya komuniti Kampung Jawa. Malah, kajian ini juga dapat memberikan inspirasi untuk penghayatan nilai-nilai warisan budaya dalam masyarakat Malaysia pada umumnya.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian dan penyelidikan yang kurang tentang Kampung Jawa Klang menyebabkan kekurangan fahaman mendalam mengenai sejarah, budaya, dan perkembangan dalam kampung. Hal ini memberi impak negatif kepada masyarakat tempatan dan pewaris generasi hadapan yang mungkin memerlukan maklumat tersebut untuk tujuan pembangunan, pemeliharaan warisan, atau keperluan lain. Menurut Jamalee Bashah (2016), disebabkan kefakiran ini, terbentuklah golongan kecil masyarakat Melayu yang kehilangan identiti mereka, digantikan oleh pandangan dan ideologi asing, sama ada yang terlalu liberal tanpa teras seperti Barat atau terlalu tegang dan kaku seperti dari Asia Barat.

Antara permasalahan kajian yang akan dihadapi adalah elemen-elemen warisan yang memperkaya identiti kampung dan sejarahnya terancam hilang atau berkemungkinan akan dilupakan saban hari. Tanda sejarah, warisan hidup, dan tapak semula jadi memperkayakan kehidupan dalam pelbagai cara, sama ada secara langsung atau alat perantaraan (An, 2023). Fahaman yang terbatas mengenai asal-usul dan perkembangan kampung disebabkan oleh kajian yang kurang menimbulkan ketidakpastian untuk merakam perjalanan sejarah dan perubahan yang mungkin berlaku di kampung. Limitasi dalam dokumentasi dan ketidakpastian mengenai asal-usul Kampung Jawa Klang merugikan usaha pemeliharaan dan pembangunan. Tambahan akan menyulitkan usaha memahami dan mengekalkan elemen-elemen bersejarah dan budaya yang menjadi warisan berharga kampung.

Seterusnya, kurangnya perhatian mengenai isu-isu sosial dan ekonomi dalam kalangan masyarakat Kampung Jawa Klang merupakan cabaran serius yang memerlukan perhatian. Kajian yang terhad menyebabkan kurangnya ilmu mendalam terhadap cabaran harian yang dihadapi oleh penduduk kampung pada zaman dahulu. Ianya juga dapat membatasi kesedaran masyarakat terhadap sumber daya dan potensi yang ada di persekitaran mereka. Mohammad Mujaheed (2023) menyoroti perlunya memberikan perhatian kepada kajian dan pembangunan Kampung Baru, dengan menekankan fokus pada pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan tersebut sebagai destinasi

pelancongan utama. Dengan mengetengahkan contoh Kampung Morten di Melaka, beliau memberi ilustrasi bagaimana kawasan bersejarah dapat dijadikan model untuk pembangunan Kampung Baru.

Oleh itu, keperluan kajian terhadap Kampung Jawa juga menjadi relevan untuk memahami dan menghargai nilai-nilai sejarah dan budaya kawasan kampung tersebut. Untuk mengatasi permasalahan ini, kajian dan penyelidikan yang menyeluruh perlu dijalankan untuk menyediakan informasi yang kukuh bagi pembangunan dan pemeliharaan Kampung Jawa Klang. Kajian ini juga memainkan peranan penting dalam membangunkan strategi yang berkesan untuk kepentingan jangka panjang kampung

3. OBJEKTIF KAJIAN

Dalam upaya mencapai hasil yang diharapkan, objektif dari kajian ini adalah:

- i. Untuk mendokumentasikan sejarah awal penubuhan Kampung Jawa.
- ii. Untuk mendokumentasikan perkembangan di Kampung Jawa
- iii. Untuk mengenali corak kehidupan di Kampung Jawa

4. PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah sejarah awal penubuhan Kampung Jawa?
- ii. Apakah perkembangan di Kampung Jawa sejak dahulu sehingga kini?
- iii. Bagaimanakah corak kehidupan penduduk di Kampung Jawa?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian sejarah lisan di Kampung Jawa memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai sejarah, budaya, dan identiti komuniti tempatan. Dengan merekodkan serta menganalisis pengalaman hidup dan pengetahuan peribadi penduduk kampung, kajian ini akan memastikan bahawa cerita dan warisan budaya yang penting tidak terpinggir dan terlupakan, tetapi sebaliknya, diberi tempat yang layak dalam naratif sejarah kampung dan negara.

Selain itu, kajian ini turut memberi sumbangan kepada pengetahuan umum mengenai kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia dan kepentingan memelihara serta memperkaya warisan budaya tempatan. Melalui penekanan terhadap pengalaman peribadi dan naratif individu, kajian ini membawa makna yang mendalam mengenai nilai-nilai, norma, dan tradisi yang terus diwarisi dan diamalkan oleh komuniti Kampung Jawa. Kepentingan kajian ini juga terletak pada sumbangan kepada penghayatan sejarah tempatan dan kesedaran akan keunikan serta kepentingan memelihara identiti budaya kampung-kampung tradisional di tengah-tengah kemajuan sosial dan ekonomi yang pesat. Melalui pemahaman yang lebih mendalam mengenai aspek sejarah dan budaya kampung, kajian ini dapat memberi inspirasi kepada usaha pemuliharaan dan pemuliharaan warisan budaya dalam usaha memastikan kelestarian identiti budaya yang kaya dan unik di Malaysia.

6. TINJAUAN LITERATUR

Perkampungan Bersejarah Menelusuri Jalan Malaysia

Perkampungan bersejarah menyajikan kisah hidup warisan dan kebudayaan yang telah menemani perjalanan Malaysia sepanjang zaman. Melalui penelusuran jalan Malaysia, kita dapat

menyaksikan kepelbagaian luar biasa kampung-kampung bersejarah yang menjadi saksi biru perubahan sepanjang masa. Setiap perkampungan memancarkan pesonanya sendiri, menawarkan pandangan eksklusif kepada tamu-tamu yang mahu melibatkan diri dalam kehidupan harian masyarakat tradisional. Merujuk kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (2024), Perkampungan Chitty Chitty di Melaka mewakili masyarakat India yang lahir di Selat Melaka dan merupakan keturunan pedagang India dari Pantai Coromandel, India. Komuniti unik ini mewarisi akar sejarah dari pedagang India yang tiba di sini sekitar abad ke-15. Mereka mengekalkan kepercayaan Hindu, berkomunikasi dalam Bahasa Melayu, mengamalkan hidangan India, dan menjalani adat perkahwinan tradisional India. Wanita Chitty mengenakan kain sarung, sejajar dengan gaya pakain wanita Nyonya dan Melayu tradisional. Kesederhanaan dan keaslian kampung-kampung seperti ini mencipta ruang yang memberikan gambaran hidup setiap harinya, mempertahankan budaya dan warisan yang sangat berharga.

Setiap perkampungan bersejarah di Malaysia menawarkan pengalaman yang berbeza. Orang Iban merupakan salah satu kumpulan masyarakat pribumi yang masih tinggal di Borneo dan merupakan ‘pemukim’ yang tinggal bersama dalam sebuah rumah panjang. Hidup bersama komuniti tersebut telah menjadi salah satu pengalaman terindah bagi penulis pemenang British Travel Press Award, Becki Enright selama di Sarawak (Enright, 2016). Kita dapat meresapi keindahan bina tradisional, seperti rumah panjang di Sarawak atau rumah kampung Melayu yang berjajar di Kampung Baru. Warisan budaya yang dijaga rapi di perkampungan-perkampungan ini memungkinkan kita untuk menggali akar sejarah dan masyarakat yang mendiaminya.

Perkampungan di Selangor

Kerajaan Negeri Selangor (2019), mengutarakan bahawa melalui kajian arkeologi, pembangunan awal sejarah, dan warisan budaya Selangor boleh dikesan sejak zaman Hoabinhian. Kemudian, perkembangan ini berterusan pada zaman Neolitik, zaman Logam, dan Prasejarah. Pada fasa ini, hubungan ekonomi dan budaya masyarakat tempatan dengan dunia luar semakin berkembang. Fakta ini disokong oleh penemuan beberapa artifak, seperti gendang gangsa Dong S'on di Kampung Sungai Lang, Kuala Langat, dan Bukit Kuda, Klang, serta tiga loceng gangsa di Klang. Perkampungan di Selangor membentuk sebahagian daripada landskap pelbagai budaya dan warisan negeri ini. Keberadaan perkampungan menunjukkan corak hidup tradisional yang memaparkan kepelbagaian etnik dan gaya hidup masyarakat tempatan. Setiap perkampungan mempunyai cerita dan ciri unik yang menjadi sebahagian daripada warisan negeri Selangor.

Kampung-kampung di Selangor sering kali menjadi mercu tanda kestabilan budaya tempatan, mengekalkan kehidupan tradisional yang kaya dengan nilai-nilai warisan. Ianya berfungsi sebagai peringatan tentang identiti dan hubungan generasi kini dengan masa lalu. Dengan menghargai tradisi, akan mewujudkan nilai hormat kepada mereka yang datang sebelumnya beserta kesusahan yang ditempuhi (FasterCapital, 2023). Di dalam perkampungan, kita dapat melihat seni bina tradisional, makanan tempatan yang autentik, dan aktiviti-aktiviti masyarakat yang telah diwarisi dari generasi ke generasi. Pentingnya perkampungan dalam mengekalkan warisan dan identiti tempatan adalah penting dalam memastikan bahawa nilai-nilai budaya dan tradisi terus dihargai. Dengan memelihara keunikan setiap perkampungan, Selangor terus membangun sebagai destinasi yang memukau dengan landskap budaya yang kaya. Prof Dr Siti Zainon Ismail (2015), menyatakan bahawa sebagai negeri paling kaya di Malaysia, perbendaharaan Selangor seharusnya direkodkan supaya dapat dijadikan rujukan bagi semua pihak dan generasi akan datang.

Sejarah Awal Penubuhan Kampung Jawa

Kampung Jawa adalah sebuah kawasan perkampungan yang terletak di dalam daerah Klang, Selangor, Malaysia. Kawasan ini dikenal sebagai salah satu kawasan yang mempunyai kepelbagaiaan etnik yang tinggi, dengan penduduknya terdiri dari pelbagai kaum dan budaya. Kampung Jawa juga terkenal dengan kegiatan perniagaan tradisionalnya, serta merupakan destinasi pelancongan popular bagi pelancong tempatan dan luar negara yang ingin merasai kehidupan kampung yang autentik.

Menurut Puan Shadia Bt Haji Omar, salah seorang responden penyelidik, penubuhan Kampung Jawa ini adalah diasaskan oleh Haji Mohd. Tahir atau lebih dikenali sebagai Dato' Dagang dan Tok Dagang. Beliau dilantik oleh Sultan Selangor, iaitu Sultan Abdul Samad. Namun beliau tidak bersendirian dalam membangunkan kampung ini. Beliau dibantu oleh Haji Hussein, iaitu sahabat baiknya. Menurut beliau juga, tanah ini adalah hasil daripada perperangan antara Selangor dan Perak. Pada awalnya, penduduk di Kampung Jawa ini tidak ramai, namun semakin hari semakin ramai terutamanya sejak masjid dibina di kawasan kampung tersebut.

Peristiwa Berdarah: Tragedi 13 Mei Yang Berlaku Di Malaysia

Peristiwa berdarah 13 Mei tahun 1969 di Malaysia merupakan titik hitam dalam sejarah negara ini, yang menyaksikan pertumpahan darah dan kehancuran akibat konflik perkauman antara kaum Melayu dan Cina. Kejadian tragis ini mencakup pembunuhan dan pembakaran yang meluas di pelbagai kawasan yang terlibat, menyebabkan suasana tanah air tercemar oleh ketakutan dan keganasan. Masyarakat terpaksa hidup dalam keadaan ketakutan dan terbatas, dengan perintah berkurung yang dikuatkuasakan untuk menjaga keselamatan, mengingat kematian semakin meningkat semasa tragedi tersebut.

Selama tujuh hari perang berdarah, rakyat Malaysia merasai tekanan dan kegelisahan yang mendalam. Namun, selepas tempoh itu, ada tanda-tanda kelonggaran yang beransur-ansur muncul. Laporan dari media seperti Straits Times menunjukkan tanda-tanda pemulihan dengan kelonggaran perintah berkurung di Kuala Lumpur dan Selangor. Pada 21 Mei 1969, Jabatan Penerangan Malaysia di bawah pimpinan Tan Siew Sin mengeluarkan kenyataan yang menyambut baik perkembangan normal dalam aktiviti ekonomi serta pembekalan dan pembuatan bahan di kawasan yang terlibat dengan keganasan sebelumnya. Meskipun begitu, peristiwa 13 Mei tetap menjadi peringatan yang menyedihkan dan penting bagi Malaysia, menekankan keperluan untuk memelihara perpaduan dan keamanan di kalangan pelbagai etnik. (Rambely, N. A. S., 2018; Mamat, R., 2018).

Kampung Jawa dan Perjuangan Melawan Bayang Tragedi 13 Mei

Tragedi 13 Mei merujuk kepada kejadian berdarah yang berlaku di Malaysia pada 13 Mei 1969. Tragedi ini berlaku setelah Pilihan Raya Umum Malaysia pada tahun tersebut, di mana tercetusnya rusuhan antara kumpulan etnik yang berbeza, terutamanya komuniti Melayu dan Cina. Keadaan politik amat tegang pada masa itu, dan pergaduhan tersebut telah melibatkan beberapa kawasan di Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan lain di Malaysia.

Menurut Puan Shadia Binti Haji Omar, Kampung Jawa Klang juga merupakan salah satu kampung yang terlibat dengan peristiwa tersebut. Penduduk di Kampung Jawa sukar untuk mendapatkan bekalan makanan kerana mereka terlalu risau jika terserempak dengan orang Cina ketika berjalan di luar. Terdapat ramai polis yang menjaga kawasan tersebut ketika tragedi tersebut berlaku. Bukan itu sahaja, mereka juga mempunyai had masa jika ingin keluar pergi ke mana-mana.

Pendidikan Di Malaysia Pada Zaman Dahulu

Pendidikan merupakan salah satu penanda aras terpenting dalam menentukan kualiti hidup manusia. (Samruhaizad, S., 2017; Azahan, A., 2017). Pada zaman dahulu sebelum kedatangan British, masyarakat tidak menekankan tentang pendidikan formal. Penekanan hanyalah kepada pengajaran kitab suci al-Quran, tingkah laku dan akhlak yang baik, pengetahuan dan juga sifat kerohanian. (Rohan, S. R, 2013) Mereka ketika itu menjadikan surau dan masjid sebagai tempat untuk ilmu dengan mengkaji ayat-ayat kitab Al-Quran. Pelajaran yang diperolehi ketika itu adalah mengkaji ayat-ayat Al-Quran, menghafal doa, dan mempelajari mengenai ajaran Islam dengan merujuk kepada para guru agama. Pendidikan yang penting pada ketika itu adalah pendidikan Islam di mana yang mula berkembang dengan kewujudan sekolah-sekolah pondok dan madrasah sebagai tempat mendapat pendidikan Islam. (Niza, H., 2014)

Pada zaman penjajahan British, sistem pendidikan yang diperkenalkan berteraskan pendidikan Inggeris memperlihatkan kelemahan yang mencolok. Sekolah-sekolah aliran Inggeris yang mengajar dalam Bahasa Inggeris gagal mencapai keberkesanan yang diharapkan. Pendekatan ini tidak mengambil kira pelbagai budaya dan bahasa tempatan, menyebabkan keengganan dan ketidaksesuaian dalam kalangan pelajar-pelajar tempatan. Tambahan pula, pelaksanaan sistem ini juga diwarnai dengan kelemahan-kelemahan struktur dan kurikulum yang tidak selaras dengan keperluan masyarakat tempatan. Sementara itu, pihak British juga mewujudkan sekolah-sekolah vernakular Melayu, Cina, dan Tamil (Niza, H., 2014). Sekolah-sekolah vernakular ini memberi penekanan kepada pengajaran dalam bahasa ibunda dan mempertahankan warisan budaya serta identiti etnik masing-masing. Walaupun terdapat kontroversi dan perbahasan mengenai kesan negatif sistem vernakular terhadap perpaduan nasional, namun mereka tetap memberi ruang kepada komuniti etnik untuk memelihara dan memperkuuhkan identiti budaya mereka sendiri.

Pendidikan Di Kampung Jawa Pada Zaman Dahulu

Pada zaman dahulu di Kampung Jawa, terdapat kecenderungan yang kuat di kalangan orang tua untuk tidak menggalakkan anak perempuan mereka untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah. Kepercayaan tradisional yang mengutamakan peranan anak perempuan dalam menguruskan kerja-kerja rumah tangga menjadi faktor utama yang mempengaruhi keputusan ini. Anak perempuan diharapkan untuk memenuhi tanggungjawab dalam kerja-kerja seperti memasak, membersihkan rumah, menjaga adik-adik, dan tugas-tugas rumah tangga lainnya. Selain itu, pandangan bahawa hanya individu yang mampu secara kewangan sahaja yang mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah turut berperanan dalam membataskan akses pendidikan, khususnya untuk anak perempuan. Puan Shadia Bt Haji Omar, iaitu tokoh pertama yang memberikan pandangan mengenai keadaan tersebut, mengakui bahawa beliau sendiri tidak mendapat peluang untuk menghadiri sekolah dan hanya mempelajari pengajian agama di rumah.

Walaupun pendidikan formal mungkin tidak menjadi fokus utama bagi anak perempuan di Kampung Jawa pada masa itu, namun mereka tetap menerima pendidikan informal melalui pengalaman sehari-hari di rumah dan masyarakat. Meskipun demikian, keadaan ini menyoroti pentingnya usaha dalam memperjuangkan akses pendidikan yang saksama bagi semua golongan, termasuk anak perempuan, untuk memastikan setiap individu memperoleh peluang yang setara dalam memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk memajukan diri dan komuniti mereka.

Pelantikan Penghulu Kampung di Malaysia

Pelantikan penghulu kampung di Malaysia merupakan satu proses penting dalam sistem pentadbiran tempatan. Penghulu kampung bertanggung jawab untuk memimpin dan menguruskan

urusan harian kampung serta bertindak sebagai perantara antara penduduk dan pihak berkuasa tempatan. Menurut Widjaja dalam Hendriarwiandi (2020), penghulu kampung berperanan sebagai pemimpin formal dan informal di kalangan ahli komuniti, memegang kuasa untuk mengurus dan mengawal penduduk berdasarkan peraturan sedia ada (Lisdawati Muda, 2023). Pelantikan ini melibatkan proses yang teliti dan melibatkan penglibatan komuniti setempat.

Pertama, proses pemilihan calon untuk jawatan penghulu kampung biasanya melibatkan musyawarah atau perbincangan dalam kalangan penduduk kampung. Calon yang diiktiraf sebagai individu yang berwibawa, berpengalaman, dan mempunyai kebolehan untuk memimpin akan dipertimbangkan. Kebolehan berkomunikasi dengan penduduk tempatan dan memahami keperluan komuniti menjadi faktor penentu dalam pemilihan.

Setelah calon dipilih, proses melibatkan penyerahan nama calon kepada pihak berkuasa tempatan atau majlis daerah untuk kelulusan dan pengesahan. Pihak berkuasa tempatan akan menilai calon berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan mengesahkan pelantikan tersebut. Selain itu, calon yang dilantik perlu menjalani latihan atau bengkel untuk memahami tugas dan tanggungjawab mereka sebagai penghulu kampung. Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009, seorang Penghulu Gred NP27 yang baru dilantik atau dinaikkan pangkat melalui pelantikan perlu berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun. Mereka mungkin diminta mengikuti latihan yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan atau Perkhidmatan yang berkaitan. Penghulu yang masih dalam tempoh percubaan juga perlu hadir dan berjaya menamatkan kursus induksi, serta lulus ujian perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Pelantikan penghulu kampung biasanya disertai dengan upacara rasmi di hadapan penduduk kampung dan wakil dari pihak berkuasa tempatan. Ini adalah satu acara yang penting dalam kalangan penduduk kerana menandakan pemimpin baru yang akan membimbing dan mewakili mereka. Penghulu kampung kemudiannya akan menjalankan tugas mereka dengan membina hubungan baik antara komuniti dan pihak berkuasa tempatan untuk memastikan keharmonian dan kemajuan kampung. Jadi, kampung yang dinamik tidak berlaku secara tiba-tiba. Ianya ditentukan oleh niat dan angan pemimpin bagi memastikan kesinambungan penduduk dalam mengelola keupayaan kampung (Khairul Rahman et al., 2022).

Pelantikan Penghulu Pertama di Kampung Jawa

Sultan Selangor, iaitu Sultan Abdul Samad telah memberikan amanah dan kepercayaan dengan melantik Haji Mohd. Tahir atau lebih dikenali sebagai Tok Dagang untuk menubuhkan Kampung Jawa Klang. Beliau juga merupakan penghulu pertama di Kampung Jawa Klang.


Kampung tersebut juga mempunyai sebuah masjid yang dinamakan atas nama beliau, iaitu Masjid Dato Dagang. Ia dibina oleh Haji Sulaiman, iaitu cucu kepada Dato' Dagang pada 1876. Titik tolak pembinaan masjid tersebut adalah berdasarkan kepada pemberian sebidang tanah oleh Sultan Selangor kepada Dato' Dagang kerana jasa-jasa beliau membantu dalam penubuhan Kampung Jawa ini.

Kajian Lepas

Selepas perpisahan Malaysia dan Singapura, kedua-dua negara ini telah bertumbuh dengan pesat dan menjadi negara yang semakin maju. Pembangunan kedua-dua negara tersebut memaksa pemerintah membuka kawasan baru bagi mengurangkan kesesakan di kawasan pusat bandar (Alhabshi, S. M., 2012). Perkampungan di Malaysia juga semakin banyak, namun tidak banyak kampung yang diketahui oleh masyarakat. Meskipun Internet dipenuhi dengan pelbagai kajian

mengenai kehidupan di kampung-kampung di seluruh dunia, termasuk di Malaysia, namun Kampung Jawa jarang sekali menjadi tumpuan kajian. Kampung-kampung lain mempunyai banyak aspek budaya dan sejarah yang diterangkan secara terperinci, manakala Kampung Jawa Klang pula seolah-olah terkubur dalam kegelapan. Maklumat mengenai Kampung Jawa Klang terbatas dan hanya beberapa catatan yang boleh didapati di laman sosial seperti *Facebook* dan blog peribadi.


Ketidakwujudan kajian penyelidikan yang mendalam mengenai Kampung Jawa Klang tidak hanya mengecewakan tetapi juga merugikan. Ia tidak menyediakan platform yang memadai bagi penduduk kampung untuk mereka berkongsi dan mewarisi pengetahuan tentang sejarah dan corak kehidupan mereka kepada generasi seterusnya. Kekurangan ini juga akan mengakibatkan kehilangan peluang pendedahan kepada orang luar, termasuk penduduk di Kampung Jawa sendiri tentang keunikan dan keistimewaan kampung mereka. Oleh itu, pentingnya penyelidikan dan dokumentasi tentang Kampung Jawa Klang. Dengan adanya kajian yang mendalam seperti membuat sejarah lisan mengenai kampung tersebut, orang ramai akan mendapat akses kepada warisan budaya dan sejarah yang berharga yang tersembunyi di kampung ini.



Carta 1: Hasil Carian Pelbagai Sumber

Keperluan yang mendesak bagi lebih banyak penyelidikan dan dokumentasi mengenai Kampung Jawa Klang adalah jelas. Kekurangan data yang komprehensif dan terperinci tentang kampung ini tidak hanya menandakan kekosongan dalam warisan sejarah dan budaya yang perlu diselamatkan, tetapi juga merupakan kegagalan dalam memberikan pendedahan yang memadai kepada masyarakat luas mengenai Kampung Jawa Klang.


Seperti yang ditunjukkan dalam statistik tersebut, ia membuktikan bahawa betapa sikitnya data dan maklumat mengenai Kampung Jawa Klang. Dengan mengalakkannya penyelidikan dan dokumentasi yang lebih intensif, kita dapat memberikan warisan yang lebih berharga kepada generasi yang akan datang.



Gambar 1: Pencarian Aplikasi Google

Walaupun carian di *Google* menunjukkan jumlah tertinggi berbanding sumber-sumber lain seperti Online Finding Aids (OFA), Google Scholar, Berita Astro Awani, dan Youtube dengan jumlah mencapai 311,000, namun hakikatnya maklumat yang diperoleh masih jauh dari mencukupi. Kebanyakan daripada maklumat tersebut lebih cenderung kepada kampung lain. Keadaan ini menimbulkan cabaran besar kepada mereka yang ingin menggali maklumat tentang Kampung Jawa Klang. Keperluan untuk mencari maklumat yang relevan daripada kemunculan yang dominan mengenai Kampung Padang Jawa bukanlah tugas yang mudah. Selain itu, kesulitan ini turut menyebabkan kekeliruan di kalangan orang ramai yang mungkin tersilap menganggap Kampung Jawa Klang sebagai Kampung Padang Jawa, menyumbang kepada kekurangan pemahaman tentang kedua-dua kampung ini.


Maka, adalah penting untuk kita menangani masalah ini dengan serius. Lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan ketepatan maklumat tentang Kampung Jawa Klang di platform-platform digital. Dengan cara ini, tidak hanya kita dapat mengurangkan kekeliruan dan kebingungan, tetapi juga memperkuatkan identiti serta warisan kampung yang unik ini dalam kalangan masyarakat tempatan dan luar. Penyelidikan dan pendokumentasian yang lebih terperinci perlu diutamakan untuk memastikan Kampung Jawa Klang mendapat tempat yang sewajarnya dalam ruang digital dan dalam kesedaran masyarakat secara keseluruhannya.



Gambar 2: Pencarian *Online Finding Aids (OFA)*


Fakta yang diperolehi daripada *Online Finding Aid (OFA)* Arkib Negara Malaysia, yang hanya menyediakan 11 maklumat berkaitan dengan Kampung Jawa Klang. Keadaan ini menggambarkan satu cabaran umum yang dihadapi di banyak kawasan di seluruh negara, di mana warisan sejarah dan budaya tempatan seringkali dilupakan atau diabaikan dalam proses dokumentasi. Masalah ini menimbulkan risiko besar akan kehilangan identiti dan nilai-nilai sejarah yang telah membentuk atas sebuah komuniti.

Perlu diakui bahawa kesedaran akan kepentingan memelihara sejarah dan warisan budaya semakin meningkat, dan sebagai masyarakat, kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa kampung-kampung seperti Kampung Jawa Klang tidak terperosok ke dalam kegelapan lupa. Penekanan pada usaha dokumentasi yang lebih meluas dan sistematis akan memastikan warisan berharga ini tidak hanya diabadikan, tetapi juga dikongsi dengan generasi masa depan untuk memperkuatkan lagi penghargaan terhadap sejarah dan budaya tempatan.

Gambar 3: Pencarian Aplikasi *Youtube*

Dengan adanya jumlah sebanyak 43,200 video di *YouTube* yang berkaitan dengan Kampung Jawa Klang menunjukkan populariti kampung tersebut. Ia memberikan indikasi yang kuat tentang seberapa pentingnya Kampung Jawa Klang sebagai subjek kajian dan minat masyarakat secara umum. Jumlah video yang begitu besar ini menandakan satu potensi luar biasa untuk mendalami kehidupan dan sejarah Kampung Jawa Klang melalui platform media digital seperti *YouTube*. Ia bukan sahaja membolehkan kita merasai pengalaman visual tentang kehidupan sehari-hari, budaya, dan landskap kampung tersebut, tetapi juga menjadi sumber data yang sangat berharga bagi mereka yang ingin menggali lebih mendalam tentang kampung ini.

Melalui video-video ini, kita dapat menyaksikan bagaimana kehidupan bermasyarakat di Kampung Jawa Klang berkembang dari masa ke masa, serta merasapi kekayaan budaya dan warisan sejarah yang menjadi ciri khas kampung ini. Kesimpulannya, jumlah video yang sebanyak itu tidak hanya membuktikan Kampung Jawa Klang sebagai destinasi yang menarik, tetapi juga sebagai sumber daya yang berharga bagi mereka yang ingin menggali lebih dalam tentang kehidupan dan sejarah kampung ini.

Gambar 4: Pencarian *Google Scholar*

Pencarian di *Google Scholar* menunjukkan bahawa terdapat sejumlah 992 artikel yang disertakan apabila mencari mengenai Kampung Jawa Klang. Namun, penting untuk diperhatikan bahawa tidak semua artikel tersebut berkaitan dengan kampung tersebut secara langsung. Ketidaktepatan ini mencetuskan kekeliruan dan menimbulkan cabaran dalam mendapatkan maklumat yang relevan dan tepat mengenai Kampung Jawa Klang.

Keadaan ini tidak hanya menunjukkan keperluan untuk menyempurnakan teknik penapisan dan klasifikasi dalam pencarian sumber-sumber ilmiah, tetapi juga menggarisbawahi kekurangan sumber maklumat yang jelas dan terperinci tentang Kampung Jawa Klang dalam arena akademik. Kekeliruan yang muncul daripada hasil pencarian ini mungkin menjelaskan penglibatan akademik dan pembangunan ilmu di bidang kajian tempatan.



Gambar 5: Pencarian berita (Astro Awani)

Dari hasil penelusuran jumlah berita yang terbatas, hanya sebanyak 38 topik yang ditemukan mengenai Kampung Jawa Klang di platform Astro Awani, tampaknya memberikan bayangan bahwa kampung tersebut belum menjadi fokus utama dalam pemberitaan atau liputan media. Namun, tidak dapat diabaikan bahwa keberadaan berita-berita tersebut tetap memberikan gambaran tentang isu-isu atau peristiwa yang dianggap layak untuk dilaporkan oleh saluran berita tersebut. Meskipun tidak sebanyak kampung-kampung lain yang sering menjadi sorotan media, kehadiran berita-berita ini tidak hanya memperkuat kesedaran publik tentang Kampung Jawa Klang, tetapi juga menyoroti isu-isu yang mungkin relevan bagi masyarakat tempatan atau masyarakat luas.

Lebih daripada sekadar memberikan gambaran, berita-berita ini juga mencakup peristiwa-peristiwa penting yang terjadi di Kampung Jawa Klang. Dengan begitu, walaupun jumlahnya terbatas, keberadaan berita-berita ini tetap memberikan platform penting bagi Kampung Jawa Klang untuk mendapat pengiktirafan yang dapat membantu mewujudkan pemahaman yang lebih mendalam dan penghargaan yang lebih luas terhadap kampung ini.

7. METODOLOGI

Dalam mendapatkan maklumat data untuk melengkapkan penyelidikan ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan mengadakan sesi temubual. Dengan ini, penerangan dan penjelasan yang lebih jelas serta mudah difahami oleh penyelidik. Penyelidik telah mengadakan dua sesi temubual, iaitu temubual pendahuluan dan temubual sebenar. Sesi temubual pertama adalah bertujuan untuk berbincang tentang topik, sesi perkenalkan diri, serta membina hubungan mesra antara satu sama lain. Ketika sesi tersebut, pengkaji memperoleh inspirasi dan idea untuk membuat soalan ketika temubual sebenar manakala sesi temubual sebenar pula adalah sesi dimana kami akan mencatat dan merekodkan segala data dan maklumat yang diberi oleh tokoh.

Kami memilih tokoh tersebut untuk menjadi tokoh kami kerana beliau bukan sahaja merupakan tokoh tertua di Kampung Jawa Klang, tetapi juga seorang penduduk yang telah menetap di kampung itu selama 93 tahun yang penuh dengan kisah hidup pahit dan manis. Kehadirannya yang tegar dan keperibadiannya yang menginspirasi telah menjadikan beliau seorang penggerak penting dalam memelihara dan mewartakan sejarah serta warisan Kampung Jawa Klang. Sejak lebih sembilan dekad yang lalu, Puan Shadia telah menjadi saksi hidup kepada berbagai peristiwa dan perubahan yang telah melanda Kampung Jawa Klang. Dari zaman kecilnya hingga ke masa kini, beliau telah menyaksikan kampung tersebut berkembang dari sebuah desa kecil yang sederhana menjadi sebuah komuniti yang hidup dan berwarna. Melalui pengalaman-pengalaman yang telah ditempuhinya, beliau tidak hanya menjadi penjaga memori kampung, tetapi juga sumber inspirasi yang tak ternilai bagi generasi muda untuk memahami dan menghargai akar budaya dan identiti kampung. Nama sebenar tokoh pertama ialah Puan Shadia Binti Haji Omar. Beliau adalah penduduk asal dan telah

menetap selama 93 tahun di Kampung Jawa Klang. berbincang tentang topik, sesi perkenalkan diri, serta membina hubungan mesra antara satu sama lain. Ketika sesi tersebut, pengkaji memperoleh inspirasi dan idea untuk membuat soalan ketika temubual sebenar.

8. HASIL KAJIAN

- a. Untuk mendokumentasikan sejarah awal penubuhan Kampung Jawa.
- b. Untuk mendokumentasikan perkembangan di Kampung Jawa
- c. Untuk mengenali corak kehidupan di Kampung Jawa

Menurut pandangan Puan Shadia Binti Haji Omar dan Encik Abdul Manaf Bin Haji Yusof, dua tokoh cemerlang yang menjadi cermin bagi masyarakat, generasi kini di Kampung Jawa menghadapi kekurangan yang mencemaskan dalam hal pendedahan terhadap sejarah dan maklumat Kampung Jawa. Mereka menyatakan dengan tegas bahawa generasi muda hari ini telah terpinggirkan dari warisan budaya dan sejarah kampung mereka, disebabkan oleh kekurangan minat terhadap pengetahuan tentang Kampung Jawa. Pandangan ini menyoroti satu kebenaran yang tidak dapat diabaikan dalam keadaan masyarakat masa kini di mana sumber-sumber pendedahan tradisional, seperti cerita-cerita lisan dan pengalaman langsung, semakin berkurang nilainya di tengah arus globalisasi dan kemajuan teknologi. Ketidakberminatan generasi muda terhadap sejarah dan warisan kampung mereka menghasilkan kesenjangan yang semakin melebar di kalangan penduduk Kampung Jawa, meninggalkan mereka tanpa pengetahuan yang mencukupi tentang asal-usul, nilai-nilai, dan identiti sebenar kampung halaman mereka.

Kedua-dua tokoh, Puan Shadia Binti Haji Omar dan Encik Abdul Manaf Bin Haji Yusof, adalah saksi hidup terhadap berbagai peristiwa pahit dan manis yang melanda Kampung Jawa Klang. Salah satu tragedi yang mereka saksikan adalah kejadian tragis pada 13 Mei, yang meninggalkan kesan mendalam dalam ingatan mereka. Bukan itu sahaja, mereka juga menyaksikan perkembangan dan kemajuan yang berlaku di Kampung Jawa sepanjang mereka menetap di kampung tersebut. Pengalaman Puan Shadia Binti Haji Omar, khususnya, menceritakan perjalanan hidup dari masa di mana kampung ini masih melalui zaman yang sukar dan mencabar. Beliau pernah merasai kehidupan tanpa bekalan elektrik, melalui jalan raya yang masih diperbuat daripada tanah merah, serta menghadapi keterbatasan dalam akses kepada fasiliti penting seperti hospital. Beliau menyaksikan perubahan yang mengagumkan di Kampung Jawa Klang. Kehidupannya kini mencerminkan keadaan moden yang jauh berbeza dari masa lalu yang sukar.

Menurut Encik Abdul Manaf Bin Haji Yusof, semangat gotong-royong di Kampung Jawa Klang adalah begitu kuat, di mana penduduk kampung sering kali bersatu padu untuk membantu satu sama lain terutamanya semasa mengadakan kenduri atau majlis. Pada zaman dahulu, tradisi rewang secara beramai-ramai diadakan apabila ada seseorang yang mengadakan majlis di kampung tersebut, menunjukkan kesatuan dan kebersamaan yang teguh di kalangan penduduk. Namun, dengan kemajuan dunia yang semakin moden, Encik Abdul Manaf Bin Haji Yusof mengamati bahawa tradisi ini semakin dilupakan oleh penduduk kampung. Sikap gotong-royong yang telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat Kampung Jawa Klang pada zaman dahulu kini semakin pupus, meninggalkan rasa kesedihan dalam hati beliau. Kenyataan ini mengetengahkan realiti pahit yang dihadapi oleh masyarakat kampung yang semakin terperangkap dalam gaya hidup moden. Encik Abdul Manaf Bin Haji Yusof, bersama dengan Puan Shadia Binti Haji Omar, mengungkapkan harapan mereka bahawa penduduk kampung kini dan generasi akan datang akan mampu memulihkan semula semangat gotong-royong yang pernah menjadi tulang belakang komuniti Kampung Jawa Klang.

9. KESIMPULAN

Dengan adanya penyelidikan ini, masyarakat akan diberikan kesempatan yang lebih besar untuk mengenali Kampung Jawa Klang serta memahami secara lebih mendalam tentang sejarah-sejarah yang terdapat dalam kampung ini. Tanpa pelaksanaan kajian ini, peluang untuk menyelamatkan dan mengabadikan warisan sejarah Kampung Jawa akan terancam, dan ini boleh menyebabkan berkurangnya pengetahuan serta pendedahan tentang kampung ini dari generasi ke generasi. Hal ini juga akan menyebabkan Kampung Jawa mungkin akan kehilangan identitinya dan keunikan tersendiri yang membentuk sebahagian daripada lanskap budaya dan sejarah Selangor.

Penghargaan: Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada tokoh-tokoh yang sudi membantu kami, Puan Shadia Bt Haji Omar dan Encik Abdul Manaf Bin Haji Yusuf. Tanpa bantuan mereka, penyelidikan ini tidak akan berlangsung dengan lancar. Sekalung penghargaan juga untuk Encik Jafalizan Md. Jali, selaku pensyarah kami yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat, dan nasihat di dalam menjalankan kajian ilmiah ini. Segala bantuan, strategi, dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar kami untuk menjadi seorang penyelidik dan bakal graduan yang berketerampilan. Kami sangat menghargai jasa beliau kerana memberikan bimbingan dan nasihat kepada kami sepanjang proses membuat transkrip ini.

RUJUKAN

- Ajos, E. G. (2023, Februari 22). Pembangunan semula Kampung Baru keperluan penduduk atau kehendak pihak tertentu? BH Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1067671/pembangunan-semula-kampung-baru-keperluan-penduduk-atau-kehendak>
- Alhabshi, S. M. (2012). Kampung dalam Bandar: Cabaran Pembangunan Semula (Village in the City: The Redevelopment Challenge). Akademika, 82(2). <https://ejournals.ukm.my/akademika/article/download/2768/1793>
- An, M. (2023, July 18). The power of preserving cultural heritage to build a better world. UNESCO. <https://www.unesco.org/en/cultural-heritage-7-successes-unescos-preservation-work>
- Bashah, A. (2016, April 24). Serangan keraguan terhadap sejarah ketamadunan tamadun Melayu. BH Online. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/04/146809/serangan-keraguan-terhadap-sejarah-ketamadunan-melayu>
- Enright, B. (2016). Visiting a Longhouse in Borneo, Malaysia – Living with the Iban People of Sarawak. <https://www.bordersofadventure.com/iban-longhouse-in-borneo/>
- Faster Capital. (2023). The Importance of Valuing Your Traditions. <https://fastercapital.com/content/The-Importance-of-Valuing-Your-Traditions.html#The-Importance-of-Valuing-Your-Traditions>
- Kerajaan Malaysia (2009). PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 15 TAHUN 2009. <https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2009/pp152009.pdf>
- Kerajaan Negeri Selangor. (2019). SEJARAH NEGERI SELANGOR. <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/124>
- Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. (2014). Perkampungan Chitty. <https://www.mbmgb.gov.my/index.php/ms/pelancongan/tempat-bersejarah/perkampungan-chitty>
- Muda, L. (2023). Village Head Leadership in Concretizing Village Security and Order. Kurdish Studies. Volume: 12, No: 1, pp. 3317-3329. <https://kurdistudies.net/menu-script/index.php/KS/article/view/1618/1170>

Niza, H. (2014b). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. Ipda.

https://www.academia.edu/1803174/Sistem_Pendidikan_di_Malaysia_Dasar_Cabaran_dan_Pelaksanaan_ke_Arah_Perpaduan_Nasional

PLANMalaysia. (2017). KERANGKA STRATEGIK DPF DESA NEGARA. https://myplan.planmalaysia.gov.my/admin/uploads_publication/dasar-perancangan-fizikal-desa-negara-2030-bab-3--kerangka-strategik-dpf-desa-negara-my-09112020.pdf

Rahman, K., & Zainal. (2022) Village Head Leadership in Developing Village Potential. The International Journal of Humanities & Social Studies 10(1) :17-22
https://www.researchgate.net/publication/358981406_Village_Head_Leadership_in_Developing_Village_Potential

Rambely, N. A. S., & Mamat. (2018). TRAGEDI 13 MEI 1969: SATU LAPORAN BERSUMBERKAN REKOD FOREIGN AND COMMONWEALTH OFFICE. International Journal of Law, Government and Communication. <http://www.ijlc.com/PDF/IJLGC-2017-06-12-13.pdf>

Rohan, S. R. (2013, March 27). Sejarah pendidikan di malaysia [Slide show]. SlideShare. <https://www.slideshare.net/sitirohayurohan/sejarah-pendidikan-di-malaysia-17745813>

Roslan, S. (2022, July 26). 9 kriteria Kampung Sejahtera. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/07/865452/9-kriteria-kampung-sejahtera>

Samruhaizad, S., & Azahan, A. (2017). Pendidikan sebagai komponen Kualiti hidup Masyarakat Pinggir Bandar. Asian Journal of Environment, History and Heritage, 1, 267-280. - References - Scientific Research Publishing. (n.d.). <https://www.scirp.org/reference/referencespapers?referenceid=2634835>

Taib, H. (2015, December 26). Khazanah Selangor perlu didokumentasikan. Selangorkini.. <https://arkib.selangorkini.my/tag/seni/page/19/>